

**Pemberian Permit Teksi Individu Beri Peluang Pemilik Jadi Majikan - Persatuan Bernama**  
**8 April, 2013**

GEORGE TOWN, 8 April (Bernama) -- Pemandu teksi Pulau Pinang menyambut baik akujanji Barisan Nasional (BN) untuk menambah pemberian permit teksi secara individu kerana ia memberi peluang kepada mereka menjadi majikan sendiri.

Naib Pengerusi Persatuan Pemandu Teksi Dan Kereta Sewa Melayu Pulau Pinang, Abdul Hamid Mydin, berkata daripada lebih 2,000 pemandu teksi berdaftar dengan persatuan itu, kebanyakan mereka terpaksa menggunakan permit syarikat konsesi.

Katanya, dengan pemberian permit teksi individu itu ia membuktikan kerajaan telah meningkatkan martabat pemandu teksi kerana pemandu yang menggunakan permit syarikat sebenarnya masih bekerja dengan pihak ketiga apabila terpaksa membayar sewa permit.

"Pendapatan kami sekitar RM40 hingga RM60 sehari. Petrol, kos penyelenggaraan dan dengan sewa lagi nak kena tanggung. Kadangkala tak balik modal. Lambat bayar kereta pula kena tarik," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Beliau berkata dengan pemberian permit individu, pemandu teksi tidak lagi terikat dengan syarikat konsesi yang selama ini hanya mengaut keuntungan "atas angin".

Abdul Hamid, 57, berkata kebanyakan pemandu teksi di Pulau Pinang menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kerana dasar transformasinya adalah secara menyeluruh dan dapat dirasai oleh semua golongan rakyat.

Antara akujanji dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 BN dilancarkan Najib Sabtu lepas ialah untuk menambah jumlah permit teksi individu sebagai salah satu langkah ke arah kecekapan terhebat pengangkutan awam.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940340>